

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

## 4,571 kes baharu, hampir separuh di Selangor

**Putrajaya:** Sebanyak 4,571 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam dan hampir separuh daripadanya direkodkan di Selangor sebanyak, iaitu 2,058 kes.

Daripada jumlah itu, tiga kes import dilaporkan, manakala 4,568 lagi membabitkan penularan tempatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini 231,483 kes.

Katanya, sehingga kini terdapat 48,771 kes aktif dengan kebolehan COVID-19 dan daripada jumlah itu 308 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 185 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) 4,092 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya ialah 181,886 kes bersamaan 78.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, 17 kes kematian dilaporkan membabitkan 15 warganegara dan dua warga asing.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kematian di negara ini 826 kes atau 0.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Selangor" kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi, iaitu 2,056 kes diikuti Johor 664 kes dan Kuala Lumpur 481 kes.

"Sebanyak 287 kes dilaporkan

adalah berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan Imigresen membabitkan Kluster Tembok Taiping 79 kes, Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok 65 kes, Kluster Penjara Jalan Harapan 3 kes, Kluster Tembok Bukit Besi 2 kes, Kluster Tembok Pengkalan Chepa 1 kes, Kluster Matambai 1 kes dan Kluster Penjara Kepayan 1," katanya.

Sebanyak 4,092 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 181,886 kes atau 78.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Kes kematian membabitkan empat di Selangor, masing-masing tiga di Sarawak dan Sabah, dua di Johor dan Pahang serta ma-

sing-masing satu di Melaka, Kelantan dan Negeri Sembilan.

Kes kematian semalam turut membabitkan bayi lelaki berusia empat bulan yang mempunyai penyakit jantung.

Mengenai 10 kluster baharu semalam, Dr. Noor Hisham berkata enam dikesan berpunca dari tempat kerja, manakala empat lagi membabitkan komuniti.

"Antara kluster yang dikesan ialah Kluster Jalan Industri Rawang (Gombak) yang menjangkiti 23 individu; Kluster Jalan Gombak (Gombak, Sepang, Petaling, Hulu Langat dan Cheras) menjangkiti 41 individu; Kluster Jalan Jasmine (Hulu Selangor) menjangkiti 61 individu dan Kluster Parit Penyengat (Muar) menjang-

kiti 34 kes.

"Selain itu ialah Kluster Kampung Lukut (Kota Tinggi) menjangkiti 15 kes; Kluster Jalan Jelutong (Kota Tinggi) menjangkiti tujuh kes; Kluster Jalan Pengiran (Matu di Sarawak) menjangkiti 20 kes; Kluster Permata Satu (Seremban) menjangkiti 31 kes; Kluster Rantau Tanjung (Maran) menjangkiti 14 kes dan terakhir Kluster Kampung Pulau Jawa (Pekan) menjangkiti 16 kes," katanya.

Dr. Noor Hisham turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, 4,092 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya ialah 181,886 kes bersamaan 78.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Oleh Yusmizal Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

# Kita belum gagal: Menteri

## Malaysia berada di kedudukan ke-16 daripada 98 negara cekap urus koronavirus

Kuala Lumpur

**"K**ita belum gagal," kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob mengenai tuduhan sesetengah pihak bahawa kerajaan gagal memerangi Covid-19 di negara ini, gagsal susulani peningkatan kes-kebelakangan ini.

Katanya, ia terbukti melalui hasil kajian Lowy Institute iaitu badan pemikir berpusat di Sydney, Australia terhadap Malaysia berkenaan kecekapan menguruskan Covid-19.

Menurutnya, Malaysia berada di kedudukan ke-16 daripada 98 negara, mengatasi beberapa negara terkemuka di Asia antaranya Jepun dan Korea Selatan dengan skor diberi ialah 71 peratus.

"Kita pernah berjaya sekali, tetapi kita belum gagal," katanya pada sidang media harian, semalam.

Beliau turut menjelaskan kekeliruan orang ramai mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, 2.0 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ketika ini.

Katanya, ketika PKP 1.0 ta-



NASUKAN Pengurusan Jenazah Pejabat Kesihatan Daerah Gombak menguruskan proses pengebumian jasad seorang pesakit Covid-19 di sebuah tanah perkuburan Islam di ibu kota.

hum jatu, kerajaan melaksanakan penutupan sepenuhnya perniagaan, ekonomi dan sektor sosial.

"Bagi PKP kedua, kita halang pergerakan, tiada rentas daerah dan negeri. Namun kita beri sedikit kelonggaran iaitu membuka sektor ekonomi khusus yang ber-

kaitan dengan mikro ekonomi atau berkaitan peniaga kecil yang tujuannya untuk memberikan ruang kepada peniaga kecil mencari rezeki. Kita tidak buka sektor atau aktiviti sosial.

"Bezanya PKP 1.0 kita tutup semua, PKP 2.0 kita buka ekonomi, tetapi tidak sepenuhnya dan tidak membuka sektor sosial," katanya. Ismail Sabri berkata, bagi

PKPB pula kerajaan membuka semua sektor ekonomi dan sebahagian daripada aktiviti sosial dengan menghadkan jumlah kehadiran. "Sebagai contoh perjumpaan dalam dewan misalnya kita tetapkan jumlah tertentu, kita hadkan dari segi jumlah pergerakan. "Itu antara perbezaan jelas antara PKP 1.0, PKP 2.0 dan PKPB," katanya.

# 4,571 positif Covid-19

Kuala Lumpur: Sebanyak 4,571 kes positif Covid-19 direkodkan semalam, meningkatkan jumlah keseluruhan kepada 22,083 kes.

Pada masa yang sama, 662 kes pulih dilaporkan.

Ketika Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, tiga adalah kes baru di Klang, Kuala Lumpur dan Malacca serta penularan tempatan. "Selangor" Reka" melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 2,056 kes dan 481 kes bagi Kuala Lumpur," katanya.

Sebaliknya, 387 kes dilaporkan adalah berkaitan kluster di pejabat dan di luar tanah imigrasi. Ia melibatkan 29 kes bagi Kluster Tembok Lalang, Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (63 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (tiga kes), Kluster Tembok Bukit Bed (lima kes) dan masing-masing satu kes

bagi Kluster Tembok Pengkalian Chempu, Kluster Malacca serta Kluster Padang Kenayan. Dr Noor Hisham berkata, 308 kes positif Covid-19 Selangor dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 131 kes memerlukan bantuan bernafas.


Tujuh belas kematian yang dilaporkan melibatkan empat kes di Selangor, masing-masing tiga kes di Sabah dan dua kes di Johor dan Pahang serta masing-masing satu kes di Melaka, Kelantan dan Negeri Sembilan. Ia menjadikan jumlah keseluruhan kematian kepada 825 kes, katanya.

### PERKHIDMATAN DIBENARKAN BEROPERASI DENGAN SOP YANG KETAT


Berkuat kuasa 4 Februari 2021



Pasar malam  
Waktu operasi  
4 petang - 10 malam



Kedai gunting rambut/salon (gunting rambut sahaja)  
Waktu operasi  
sehingga 10 malam



Kedai cuci kereta  
Waktu operasi  
sehingga 10 malam

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Selangor menjalankan proses penyahkuaman atau disinfeksi pada Operasi Sanitasi Awam bagi mengekang penularan wabak Covid-19 ketika tarjangan di PPR Lembah Subang, semalam.

# 80% rakyat disuntik

Oleh Suraya Roslan dan Mahazura Abd-Malik am@hmetro.com.my

## Pemberian vaksin mengikut tiga fasa akan memastikan 26.5 juta rakyat dikebalkan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menyasarkan 30 peratus populasi negara ini atau 26.5 juta orang akan menerima suntikan vaksin Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang akan diberikan secara percuma kepada rakyat Malaysia sepanjang tempoh program berkenaan.

Buat permulaan, 500,000 petugas barisan hadapan akan dimulakan dalam memastikan petugas kesihatan dan petugas bukan kesihatan diaduakan me-

nerima suntikan pada fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mulai hujung bulan ini dan berakhir April ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, fasa berkenaan amat penting untuk melindungi petugas yang berada di barisan hadapan dalam menangani pandemik Covid-19.

Fasa kedua pula membabitkan kumpulan berisiko tinggi dijangkiti Covid-19 seperti warga emas dan golongan rentan iaitu yang berusia 60 tahun ke atas, yang mengalami masalah morbiditi seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi serta orang kurang upaya (OKU).

"Dianggarkan 9.4 juta orang akan menerima vak-

**“ 9.4 juta orang akan menerima vaksin di bawah fasa kedua ”**  
Muhyiddin

sin di bawah fasa kedua ini yang akan berlangsung mulai April hingga Ogos ini,” katanya dalam Perutusan khas, semalam.

Menurut Muhyiddin, fasa ketiga membabitkan penerima vaksin daripada golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas yang akan bermula pada Mei ini hingga Februari 2022.

“Fasa ini penting untuk membentuk pertahanan kelompok atau herd immunity” seterusnya mengawal pandemik ini secara menyeluruh,” katanya.

**Kuala Lumpur:** Lebih 600 pusat simpanan dan pemberian vaksin akan dibuka di seluruh negara bagi melancarkan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang akan dimulakan hujung bulan ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peruntukan dalam Ordinan Darurat (Keperluan Puluhan) 2021 akan digubal kerajaan untuk mengambil alih secara sementara dewan dan kemudahan sedia ada bagi tujuan persediaan melaksanakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

“Saya sudah mengarahkan pihak berkuasa menggunakan pelbagai kemudahan termasuk fasiliti kesihatan awam dan swasta, stadium, pusat konvensi,

# 600 pusat simpanan, pemberian vaksin dibuka

dan dewan orang ramai serta universiti sebagai pusat vaksinasi.

“Justeru, saya menyeru pihak mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama mengemulak langkah dan segala sumber yang ada bagi menjayakan program ini.

“Anda semua boleh bersama-sama menghulurkan bantuaian sama ada dari aspek perubatan dan bukan perubatan, khususnya aspek pendidikan akan ke-

giatan di pusat-pusat vaksinasi bagi menjayakan program ini,” katanya dalam perutusan khas yang disiarkan secara langsung, semalam.

Beliau berkata, semua menteri bersefusi melantik Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebagai Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi memastikan program ini dilaksanakan dengan teratur.

Beliau akan mengetuai satu Pasukan Petugas Khas yang menguruskan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan khususnya isu berkaitan logistik dan penyelarasan dengan negeri dan agensi kerajaan.

“Ini bagi membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk terus menumpukan kepada fungsi perkhidmatan kesihatan dalam menangani penularan wabak Covid-19 yang masih menipukkannya dan membayangkan,” katanya.

**Khairy Jamaluddin dilantik Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan**

# Kompaun lebih tinggi kepada pesalah berulang

**Kuala Lumpur:** Tindakan kompaun lebih tinggi kepada pesalah berulang atau sudah diberi amaran menanti mereka sebaik Pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di hulaskan di bawah Proklamasi Darurat.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat meneliti peruntukan dalam Akta 342 yang perlu dipinda untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan cepat diambil.

“Antaranya ialah tindakan kompaun lebih tinggi kepada pesalah berulang atau yang sudah diberi amaran.

Selain itu, alih-alih penutupan serta-merta premis perniagaan yang tidak mematuhi peraturan dan prosedur operasi standard

(SOP) yang ditetapkan kerajaan,” katanya dalam perutusan khas, semalam.

Menurut Muhyiddin, tindakan perundangan boleh diambil terhadap pemilik perniagaan, pemegang francais, operator francais dan pihak berkepentingan lain dalam rantaian organisasi perniagaan.

Tindakan perundangan boleh diambil terhadap rantaian pengurusan pekerja asing membabitkan majikan, ejen pembekal pekerja, kontraktor utama, sub kontraktor dan orang perseorangan.

“Malah, tindakan penjara ke atas pesalah yang melanggar peraturan dan SOP serta tindakan tatatertib ke atas penjawat awam yang tidak mematuhi peraturan dan SOP termasuk kepada ketua jabatan berkaitan pelaksanaan dasar Berkerja Dari Rumah,” katanya.

# Pinda Akta 446 tangani penginapan pekerja

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dalam proses meminda Akta Standard Minimum Pemukiman dan Penghaparan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) bagi tujuan menangani isu pengurusan tempat tinggal pekerja menelusur tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ia dibuat memenuh kuasa di berikan kepada kerajaan di bawah Proklamasi Darurat.

Menurut Muhyiddin, pe-

nginapan pekerja asing yang sesak dan tidak memenuhi standard menjadi antara punca utama penularan Covid-19 dalam kalangan pekerja di negara ini.

“Antara pindaan akan dibuat ialah mewujudkan majikan untuk menyediakan tempat tinggal yang memenuhi standard ditetapkan, menanggung kos penginapan, perpindahan dan kos saringan kesihatan pekerja,” katanya dalam perutusan khas, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : COVID-19

## RINGKAS

## Johor catat kadar Rt tertinggi

Kuala Lumpur, Johor mencatatkan kadar kebolehsangkitan (Rt) harian tertinggi di negara ini lalau pada 1.18 setakat kelmarin, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Berdasarkan infografik yang dikongsikan di Twitter beliau, Kuala Lumpur merekodkan Rt kedua tertinggi pada 1.12 diikuti Labuan (1.11), Terengganu dan Selangor masing-masing mencatatkan 1.10 manakala Sarawak (1.03) dan Pahang (1.01).

Negeri lain mencatatkan bacaan di bawah satu iaitu Perak (0.99), Melaka (0.96), Kedah dan Pulau Pinang (0.93), Putrajaya (0.90), Negeri Sembilan dan Sabah (0.89), Perlis (0.82) dan Kelantan (0.84).

## Tiga rakyat kita positif Covid-19 di Singapura

**Singapura:** Tiga lelaki Malaysia adalah antara 17 kes import baharu Covid-19 yang dilaporkan di Singapura pada Rabu, menurut Kementerian Kesihatan republik itu.

Kementerian berkenaan menerusi data penuh yang dikeluarkan lewat malam semalam memaklumkan semua mereka yang merupakan pemegang permit kerja dan tiba dari Malaysia itu

tidak menunjukkan gejala atau asimptomatik.

Kes import lain adalah dari Bangladesh, India dan Indonesia.

Mereka merupakan antara 18 kes yang direkodkan di Singapura pada Rabu dengan yang lain adalah penularan tempatan, menjadikan jumlah jangkitan kepada 59,602 kes.

Setakat ini, kementerian mengklasifikasikan 2,779 da-

ripada kes dilaporkan sebagai kes import, 2,315 adalah kes komuniti manakala seramai 54,508 melibatkan penghuni asrama.

Singapura sudah menamatkan kluster yang dikaitkan dengan NewOcean 6, sebuah kapal tangki bunker, menjadikan hanya tiga kluster pada masa ini.

Secara keseluruhannya, 59,320 orang sudah sembuh sepenuhnya dan dibenarkan

keluar hospital atau kemudahan rawatan komuniti.

Sementara itu, 214 pesakit yang mengalami gejala ringan atau secara klinikal sihat, tetapi diuji positif Covid-19 sudah diasingkan dan dirawat di kemudahan komuniti.

Sehingga kini, seramai 29 orang sudah meninggal dunia akibat komplikasi Covid-19 di negara berkenaan. - Bernama

# Rasa lega dua kali disuntik

Sejumlah rakyat Malaysia bekerja di Singapura sudah dapat suntikan kedua Pfizer-BioNTech

Singapura

Sejumlah rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura merupakan antara lebih 6,000 individu yang sudah mendapat suntikan kedua vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech di sini, sekali gus melengkapkan regimen penuh vaksinasi itu. "Alhamdulillah dan rasa sangat lega," luah Imra Astata Ibrahim kepada Bernama ketika ditemui baru-baru ini selepas menerima suntikan vaksin kali keduanya di sebuah poliklinik di Pioneer di sini.

Beliau dan rakan senegara yang bekerja dalam sektor marin, antara sektor yang diberi keutamaan untuk vaksinasi, menerima suntikan pertama secara berperingkat sejak awal Januari lepas.

Imra Astata, 40, yang tidak teragak-agak menerima vaksin itu apabila ditawarkan oleh majikannya menzahirkan rasa syukur kerana tidak perlu menunggu lama untuk menerima vaksin.


"Kini saya lebih bersedia menjalankan tugas seharian yang perlu berada di barisan hadapan," kata anak kelahiran Johor itu.

Beliau hanya kembali ke Singapura untuk bekerja pada 24 September 2020, selepas enam bulan langkah memperketatkan pergerakan antara kedua-dua semipadan negara diperkenalkan pada Mac tahun lepas, bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

"Mudah-mudahan vaksin ini berkesan dan harap keadaan pulih seperti sedia kala," kata bapa kepada tiga cahaya mata yang sentiasa meletakkan harapan dapat berulang-alik semula ke Johor seperti sebelum ini.

Menurut kenyataan Kementerian Kesihatan Singapura, sehingga 2 Feb lebih

Kawalan lebih ketat



ANGGOTA Polis Diraja Malaysia (PDRM) dibantu anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilihat membuat kawalan lebih ketat dengan memeriksa semua kenderaan yang menghala masuk ke pusat bandar Kuala Lumpur di Jalan Kuching, semalam.

175,000 individu telah menerima dos pertama vaksin Pfizer-BioNTech di sini dan kira-kira 6,000 daripada mereka juga telah menerima

dos kedua. Dalam masa dua minggu, kementerian itu memaklumkan mereka akan dilindungi sepenuhnya daripada

Covid-19. Vaksin Pfizer-BioNTech adalah vaksin Covid-19 pertama yang digunakan di Singapura dengan pengan-

taran pertama tiba pada 21 Disember lepas, sekali gus program vaksinasi dimulakan pada 30 Disember. Sebagai nasihat kepada



"Suntikan tidak menyakitkan...ia seperti mengambil suntikan vaksin BCG ketika zaman sekolah"

Imra Astata

yang masih sangsi dengan vaksinasi Covid-19 ini, Imra Astata berkata: "Pastinya setiap kerajaan akan jalankan ujian klinikal. Jangan risau kesan sampingan juga sangat minimum."

"Kepada yang belum ambil (vaksin) jika ada peluang, ambillah," katanya yang turut menolak tanggapan bahawa penerima awal suntikan seolah-olah menjadi 'tikus makmal'.

Beliau turut berkongsi halnya mengalami sengal dan sedikit kebas di tempat suntikan pada tiga hari terawal selepas suntikan pertama dan kembali normal untuk menerima suntikan kedua selepas 21 hari.

"Suntikan tidak menyakitkan...ia seperti mengambil suntikan vaksin BCG (*Bacille Calmette-Guerin*) ketika zaman sekolah," katanya sebelum beredar menaiki motosikalnya untuk kembali bertugas.

Walaupun ia dilakukan secara sukarela, Singapura telah memperuntukkan kepada semua rakyatnya dan penduduk jangka panjang di negara itu untuk menerima vaksin sebelum akhir 2021 secara percuma.

Singapura pada 3 Februari lalu juga sudah memberi kelulusan sementara bagi vaksin Covid-19 keluaran Moderna sebagai vaksin kedua digunakan di negara itu yang dijangka tiba pada Mac 2021. - Bernama

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NEGARA

PM beri jaminan bubar Parlimen selepas Covid-19 reda, keadaan selamat

# PRU-15 tetap diadakan – Muhyiddin

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri mengulangi pendirian dan komitmen untuk membubarkan Parlimen sebaik sahaja penularan pandemik Covid-19 telah reda dan seterusnya mengadakan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sebagai ketua kerajaan, beliau sentiasa menghormati sistem dan proses perundangan negara ini yang berpaksikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

“Saya akan nasihati Agong (Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) untuk bubar Parlimen sebaik sahaja Covid-19 reda dan PRU-15 selamat diadakan,” tegas beliau ketika sidang akhbar secara langsung semalam.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan semua pihak supaya berhenti melemparkan tohmahan yang tidak berasas terhadap keprihatinan Al-Sultan Abdullah dalam memperkenankan Proklamasi Darurat.

Menurutnya, kerajaan telah mendapat perkenan selepas Tuanku berpuas hati bahawa penularan wabak Covid-19 di negara ini berada di tahap kritikal dan perlunya pelaksanaan darurat selaras dengan keputusan Jemaah Menteri.

“Proklamasi Darurat yang dimasyhurkan oleh Al-Sultan Abdullah adalah bertujuan memberikan bidang kuasa



PRU-15 akan diadakan apabila pandemik Covid-19 reda dan tidak membimbangkan lagi. – GAMBAR HIASAN



MUHYIDDIN

tertentu kepada kerajaan untuk mengurus pandemik Covid-19 dengan lebih cepat.



Covid-19 berada di tahap yang kritikal dan perlu ditangani segera.

cekap dan berkesan.

“Tindakan serta-merta sedang diambil oleh kerajaan di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Darurat yang sedang berkuat-kuasa. Proklamasi Darurat tidak mempunyai tujuan lain selain daripada membendung penularan Covid-19 dengan lebih berkesan dan melindungi nyawa rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan perutusan khas penjelasan pelaksanaan Proklamasi Darurat dan Pemasysaran Ordinan Darurat dalam mengurus pandemik Covid-19 semalam.

Muhyiddin berkata, beliau percaya bahawa Al-Sultan Abdullah sebagai Ketua Negara amat memahami dan menghormati sistem dan proses perundangan negara walaupun ada segelintir pihak cuba mencabar Proklamasi Darurat di mahkamah.

Pada masa sama, beliau berkata, melalui pewartaan Ordinan Darurat, satu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat telah ditubuhkan untuk memastikan pelaksanaan darurat dalam melawan Covid-19 dapat diurus dengan cekap dan berkesan.

Beliau turut menyeru rakan-rakan, baik daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang supaya bersama-sama berganding bahu dan tenaga memerangi wabak Covid-19 tanpa mengira perbezaan fahaman politik.

## Program imunisasi terbesar Covid-19 hujung bulan ini

**PUTRAJAYA** – Kerajaan akan memulakan roll-out pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi memastikan program imunisasi terbesar yang pernah dilaksanakan di negara ini mulai hujung bulan ini.

Sebanyak 26.5 juta individu atau 80 peratus populasi rakyat Malaysia disasar untuk menerima vaksin yang akan dibertukarkan secara percuma dalam program tersebut.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan itu akan melibatkan tiga fasa dengan fasa pertama membabitkan sejumlah 500,000 petugas barisan hadapan terdiri daripada petugas kesihatan dan petugas bukan kesihatan.

Beliau berkata, fasa pertama program imunisasi itu dijadualkan tamat pada bulan April depan dan amat penting untuk melindungi barisan petugas ha-



PROGRAM Imunisasi Covid-19 adalah program imunisasi terbesar dalam sejarah negara. – AFP

dapan dalam memerangi pandemik Covid-19.

Menurutnya, sebanyak 94 juta orang terdiri daripada kumpulan berisiko tinggi dijangka meneri-

ma vaksin di bawah fasa kedua yang akan berlangsung mulai April hingga Ogos depan.

“Fasa kedua ini melibatkan warga emas dan golongan rentan

berusia 60 tahun ke atas, yang ada masalah morbiditi seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi selain golongan orang kelainan upaya (OKU).”

“Baki penerima vaksin dalam fasa ketiga merupakan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas yang akan bermula dari bulan Mei depan hingga Februari 2022. Fasa ini penting untuk membentuk perlindungan kelompok dan seterusnya mengawal pandemik ini secara menyeluruh,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan perutusan khas penjelasan pelaksanaan Proklamasi Darurat dan Pemasysaran Ordinan Darurat dalam mengurus pandemik Covid-19 di saluran televisyen semalam.

Muhyiddin berkata, Jemaah Menteri bersetuju melantik Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar

sebagai Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi memastikan program imunisasi itu dilaksanakan secara teratur.

“Beliau akan ketua satu Pasukan Petugas Khas yang menguruskan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan khususnya isu-isu berkaitan logistik dan penyelarasan dengan negeri-negeri dan agensi-agensi kerajaan,” jelasnya.

Muhyiddin berkata, lebih 600 pusat simpanan yang juga pusat pemberian vaksin akan dibuka di seluruh negara bagi memastikan program itu berjalan dengan lancar, teratur serta memudahkan orang ramai.

“Maklumat lanjut mengenai Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan termasuklah mengenai tatacara pendaftaran, lokasi pusat pemberian vaksin serta informasi lain yang berkaitan akan dimaklumkan nanti,” ujarnya.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

Sambutan Tahun Baru Cina, pasar malam dan pusat cuci kereta turut dibenar

# Kedai gunting rambut boleh operasi

Oleh RASDAN AHMAD

**PETALING JAYA** - Kedai gunting rambut, pasar malam dan pusat cuci kereta dibenarkan beroperasi bermula hari ini, namun perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi kedai gunting rambut, hanya perkhidmatan memotong rambut sahaja yang dibenarkan, aktiviti-aktiviti lain masih tidak dibenarkan.

"Hanya potong rambut sahaja dibenarkan, khidmat cuci muka dan khidmat lain tidak dibenarkan dengan SOP yang ditetapkan antaranya pelitup muka dan apron yang dipakai oleh petugas hanya khas untuk seorang pelanggan iaitu pakai buang.

"Manakala bagi pusat cuci kereta perkhidmatan hanya dibenarkan sehingga pukul 10 malam sahaja," jelasnya pada sidang akhbar khas semalam.



**KERAJAAN** membenarkan beberapa sektor perniagaan beroperasi selepas mendengar keluhan orang ramai. - PUQTRA HAIRRY ROSLI

Dalam pada itu, bagi pasar malam pula, pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mengumumkan langkah-langkah serta SOP yang akan ditetapkan terhadap

kebenaran itu sama ada menghadkan pengujung atau yang sepatutnya.

Dalam perkembangan sama, sambutan Tahun Baru Cina ha-

## COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu import	4,571
Tempatan	3
<b>Jumlah</b>	<b>4,568</b>
Kematian	17
Masih dirawat	48,771
Jumlah kes sembuh	181,886
Jumlah kematian	826
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>231,483</b>

lakukan oleh ahli keluarga yang tinggal serumah sahaja bagi mengelakkan pergaulan orang luar yang dibimbangi mempunyai gejala Covid-19.

"Sambutan Tahun Baru Cina tetap dibenarkan, namun mengikut SOP yang ditetapkan kerajaan seperti mana yang dilakukan ketika Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali sebelum ini.

"Aktiviti makan besar juga hanya dibenarkan antara ahli keluarga yang tinggal serumah, manakala upacara sembahyang di tokong hanya dibenarkan untuk lima orang ahli jawatankuasa tokong sahaja," jelasnya.

Tambahnya, aktiviti kebudayaan yang biasa dilakukan sebelum ini antaranya tarian singa, tarian naga dan perarakan sama sekali tidak dibenarkan.

"Aktiviti ziarah dan rentas negeri juga tetap tidak dibenarkan di seluruh negara, manakala di Sarawak (aktiviti ziarah) akan diputuskan oleh kerajaan negeri," jelasnya.

# Bayi empat bulan antara 17 korban Covid-19

**PUTRAJAYA** - Bayi lelaki berusia empat bulan dengan latar belakang penyakit jantung yang meninggal dunia di Hospital Tawau, Sabah antara 17 kes kematian baharu Covid-19 dilaporkan semalam.

Kesemua kes kematian baharu direkodkan di Selangor, Sabah, Sarawak, Johor, Pahang, Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan membabitkan 15 lelaki dan dua wanita dengan termuda adalah bayi tersebut dan tertua berusia 82 tahun menjadikan 826 kes kematian terkini di Malaysia.

Dalam masa sama, sebanyak 4,571 kes harlan dilaporkan semalam, dengan Selangor kekal kes baharu tertinggi iaitu sebanyak 2,088 kes, diikuti oleh Johor sebanyak 664 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 481 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 90 kluster melaporkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi melibatkan Kluster Persiaran Perkilangan (362 kes), Kluster Industri Serkam (201 kes) dan Kluster Jalan Perindustrian (180 kes).

Menurutnya, sebanyak 10 kluster baharu dikenal pasti iaitu enam daripadanya kluster berkaitan tempat kerja melibatkan Kluster Jalan Industri Rawang di Gombak, Selangor dengan 23 kes sarlingan bersasar

sebuah kilang di Rawang Integrated Industrial Park.


"Kluster Jalan Gombak pula di Gombak, Sepang, Petaling dan Hulu Langat serta daerah Cheras, Kuala Lumpur dengan 41 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan pelajar dan petugas kesihatan sebuah pusat pengajian tinggi di Jalan Gombak.

"Kluster Jalan Jasmine di Hulu Selangor membabitkan 31 kes di Jalan Jasmine, Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung, Hulu Selangor serta Kluster Parit Penyengat di Muar, Johor dengan 34 kes sebuah kilang iaitu asrama pekerja di Lot Parit Penyengat Darat, Muar," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Bellau berkata, Kluster Jalan Pengiran pula di Matu, Sarawak dengan 20 kes iaitu kes indeks bergejala, manakala kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat pentadbiran awam di Jalan Pengiran, Matu.

"Selain itu, Kluster Permata Safi di Seremban, Negeri Sembilan dengan 31 kes hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Permata 1, Arab Malaysian Industrial Park, Nilai, Seremban," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, empat lagi kluster komuniti ialah Kluster Kampung Lukut di Kota Tinggi, Johor membabit-



**ANGGOTA** polis memasang kawat duri di Felda Tersat, Ajil yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan berkuat kuasa semalam.

kan 15 kes iaitu kes indeks bergejala serta nama kluster merujuk lokaliti kediaman kes indeks di Kampung Lukut, Kota Tinggi.

"Kluster Jalan Jelutong juga di Kota Tinggi membabitkan tujuh kes iaitu kes indeks bergejala, manakala nama kluster merujuk lokaliti tempat kerja kes indeks di Jalani Jelutong, Taman Desaru Utama, Bandar Penawar, Kota Tinggi.

"Seterusnya, Kluster Rantau Tanjung di Maran, Pahang dengan 14 kes iaitu kes indeks bergejala dan kluster ini melibat-

kan sebuah majlis sosial yang dihadiri kes indeks.

Nama kluster merujuk lokaliti kes-kes telah dilaporkan berlaku.

"Kluster Kampung Pulau Jawa pula di Pekan melibatkan 16 kes dengan kes indeks bergejala, manakala nama kluster merujuk lokaliti kes-kes dalam kluster ini di Kampung Pulau Jawa, Pekan," ujarnya.

Sementara itu, katanya, satu lagi kluster tamat semalam iaitu Kluster Desa Setapak menjadikannya sebanyak 440 kluster ditamatkan sehingga kini.

# Kapasiti jemaah solat ditambah

**PUTRAJAYA** - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bagi membenarkan perluasan kapasiti jemaah untuk solat Jumaat dan solat fardu di masjid dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan.

Perkenan itu membabitkan masjid, surau Jumaat dan surau di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan berkuat kuasa hari ini.

Jawi memaklumkan, jemaah bagi solat Jumaat diperluaskan kepada separuh daripada kapasiti sebenar masjid dan surau Jumaat dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.

"Ketetapan sama turut diberikan kepada jemaah solat fardu lima waktu iaitu separuh daripada kapasiti dewan solat, masjid, surau Jumaat dan surau dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.

"Selain itu, aktiviti tazkiroh sebelum solat Jumaat juga dibenarkan diadakan selama 30 minit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

**KEDAH 51**

Kota Setar	4
Kuala Muda	24
Baling	9
Kulim	13

**PULAU PINANG 157**

Seberang Perai	63
Timur Laut	32
Barat Daya	61

**PERAK 163**

Kinta	14
Manjung	9
Selama	91

**SELANGOR 2,056**

Hulu Langat	343
Petaling	1,203
Klang	236
Kuala Langat	39
Sepang	70



**KELANTAN 48**

Kota Bharu	6
Bachok	6
Kuala Krai	7
Pasir Mas	4

**TERENGGANU 69**

Besut	21
Dungun	19
Kuala Terengganu	2
Hulu Terengganu	11
Kemaman	3

**JOHOR 664**

Johor Bahru	168
Muar	46
Kota Tinggi	54
Kulai	175

# Taburan kes pada 4 Februari

JUMLAH KESELURUHAN  
**231,483**  
SEMBUH  
**181,886**

**PAHANG 78**

Kuantan	22
Bentong	40
Temerloh	3
Pekan	4
Rompini	1

## Total lock down lumpuhkan ekonomi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarahrahim@medialinja.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan tidak akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya atau *total lock down* kerana akan memberi kesan amat negatif terhadap ekonomi negara dan kehidupan rakyat walaupun ia merupakan kaedah paling berkesan untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jika berbuat demikian, banyak kilang terpaksa ditutup, perniagaan gulung tikar, perusahaan lumpuh dan rakyat akan hilang pekerjaan serta mata pencarian sekali gus menjejaskan teruk kehidupan rakyat.

Bagaimanapun, kata beliau, jika pergerakan rakyat tidak dikawal, rantaian jangkitan wabak tidak dapat diputuskan, kes-kes akan terus meningkat, hospital-hospital di negara ini tidak dapat menampung kes-kes baharu yang semakin bertambah men-

dadak, sistem kesihatan awam akan lumpuh dan nyawa rakyat akan terancam.

"Jadi, dalam situasi pandemik pada masa ini, kerajaan perlu mencari satu keadaan yang berimbang, iaitu memastikan kehidupan ekonomi rakyat terus terjamin dan nyawa rakyat terus dilindungi."

"Kaedah yang terbaik pada masa ini ialah membenarkan sektor-sektor ekonomi perlu untuk terus beroperasi dan pada masa sama melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) ketat untuk memutuskan rantaian jangkitan yang sudah pun berada di tempat kerja, kawasan kediaman dan dalam komuniti kita," katanya dalam perutusan khas hari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan PKP telah menghasilkan kesan positif di beberapa negeri seperti Kelantan, Kedah, Terengganu dan Pahang yang mula menunjukkan trend jumlah kes harian baharu semakin melandai.


Namun begitu, katanya,

pehinggatan kes masih berlaku terutamanya di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor yang merupakan negeri berkepadatan tinggi di samping mempunyai kegiatan ekonomi dan industri yang rancak.

Katanya, walaupun kerajaan tidak melaksanakan *lock down*, pergerakan orang ramai dapat dikurangkan tetapi ekonomi dan industri dapat terus beroperasi.

Dalam pada itu, beliau berkata, penekanan kepada aspek pematuh SOP di kilang-kilang, tapak-tapak pembinaan, tempat penginapan pekerja dan di tempat kerja perlu dilakukan kerana jangkitan dalam gelombang ketiga ini banyak berlaku di tempat-tempat tersebut.


Menurut beliau, data terkini menunjukkan 59 peratus jangkitan berlaku di tempat kerja, 19 peratus di pusat tahanan, 14 peratus di kediaman, 5 peratus di rumah ibadat atau aktiviti keagamaan dan masing-masing 2 peratus kes import dan kumpulan berisiko.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI



**BEBERAPA** pekerja di sekitar Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur menikmati makan tengah hari di pekarangan bangunan pejabat berikutan larangan makan di restoran dikuatkuasakan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). — UTUSAN/AMIR KHALID

## SOP ketat 3 sektor, Tahun Baharu Cina

**PUTRAJAYA:** Kerajaan bersetuju membenarkan pasar malam, kedai gunting rambut dan premis cuci kereta di seluruh negara kembali beroperasi berkuat kuasa hari ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu diputuskan setelah penilaian risiko dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dan tiada kluster baharu daripada aktiviti ketiga-tiga perniagaan tersebut.

Bagaimanapun, Majlis Keselamatan Negara (MKN) menetapkan prosedur operasi standard (SOP) yang amat ketat untuk petugas dan pelanggan dalam sektor berkenaan.

Pasar malam akan dibenar beroperasi dari pukul 4 petang hingga 10 malam dengan jarak antara gerai ditetapkan paling minimum satu meter serta lauan keluar masuk berbeza.

Setiap akses ke tapak pasar itu dikawal Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh menghadkan jumlah pengunjung dalam satu masa.

“Operasi kedai gunting atau salon rambut serta tempat cuci kereta juga boleh dibuka hingga pukul 10 malam.”

Bagi kedai gunting rambut, hanya aktiviti menggunting rambut dibenarkan dengan petugas wajib memakai pelitup dan penutup muka serta apion pakai buang bagi pelanggan berbeza.

“Mereka juga diwajibkan memakai sarung tangan selain peralatan gunting dan sikat digunakan mestilah dicuci dengan air panas untuk setiap pelanggan,” katanya.

Sementara itu, sempena Tahun Baharu Cina minggu depan, Ismail Sabri berkata, persembahan tari singa dan naga tidak dibenarkan.

Selain tarikan itu, perarakan tahtlung, chingay, persembahan opera Cina atau pertunjukan pentas juga adalah tidak dibenarkan,” katanya semalam.

Beliau berkata, aktiviti majlis makan besar bersama anggota keluarga pula hanya dibenarkan dalam kalangan ahli keluarga rumah yang sama.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Harga murah: Hospital swasta henti ujian saringan

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhli.sulaiman@medianulla.com.my

**KUALA LUMPUR:** Institusi kesihatan swasta di seluruh negara berkemungkinan menghentikan perkhidmatan ujian saringan Covid-19 sekiranya kerajaan menetapkan harga yang tidak berpatutan atau tidak dipersetujui mereka.

Ini berikutan hospital dan klinik swasta perlu mempertimbangkan kos-kos operasi melibatkan makmal, sewa bari-

gunan, gaji kakitangan dan peralatan perubatan sekali gus mengelakkan kerugian pada masa akan datang.

Menyatakan kebimbangan itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh menyaran agar kerajaan berunding bersama pihak swasta sebelum mencapai konsensus tentang tetapan harga bagi kedua-dua ujian saringan *Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* dan Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen.

"Saya bimbang mungkin hos-

pital dan klinik swasta mengalami kesukaran dan seterusnya berhenti daripada menjalankan ujian saringan tersebut.

"Setakat ini, belum ada apa-apa maklumat atau panggilan dari kerajaan untuk berunding bagaimanapun, kami terbuka untuk berunding. Kerajaan akan tampil dengan cadangan harga dan APHM juga akan cadangkan harga yang munasabah.

"Kami berusaha untuk memberikan yang terbaik pada masa sama memastikan kelangsungan perkhidmatan. Justeru, kami

mahu kerajaan faham situasi begitu juga sebaliknya. Biar kedua-dua pihak dalam situasi menang-menang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin, Majlis Keselamatan Negara (MKN) selaras di bawah Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 akan menetapkan harga ujian saringan Covid-19 di hospital dan klinik swasta dalam tempoh terdekat.

Harga bagi ujian RT-PCR dan RTK-Ag di pusat rawatan kerajaan bagi warganegara masing-

masing, berharga RM150 dan RM60 manakala bukan warganegara, berharga RM250 dan RM120.

Dalam laporan eksklusif *Utusan Malaysia* sebelum ini mendedahkan, terdapat hospital dan klinik swasta didakwa mengenakan harga mencecah hampir RM1,000 termasuk caj-  
caj tersembunyi.

Malah kakitangan swasta yang menjalankan perkhidmatan berkenaan didapati tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## Vaksin berasaskan mRNA adalah selamat

SHAH ALAM - Young Scientists Network, Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM) memaklumkan vaksin berasaskan messenger RNA (mRNA atau MRNA) selamat untuk digunakan. YSN-ASM dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan vaksin mRNA Covid-19 telah melalui pelbagai ujian makmal dan ujian haiwan yang ketat dan diikuti kajian klinikal menyeluruh.

Untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan vaksin ini, percubaan berskala besar dijalankan di mana melibatkan peserta berjumlah 10 kali ganda lebih besar daripada ujian klinikal berskala biasa yang mana terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan bangsa.

"Kesan sampingan vaksinasi sama ada dengan vaksin tradisional atau vaksin mRNA telah dilaporkan secara mendalam dan boleh didapati secara dalam talian.

"Kesan sampingan vaksin

Covid-19 mRNA juga telah dilaporkan secara telus oleh pengeluar vaksin terlibat," kata kenyataan itu menegulus kebimbangan masyarakat terhadap vaksin yang berasaskan mRNA.

Menurut kenyataan itu, telah diketahui bahawa beberapa individu menerima vaksin mRNA boleh mengalami kesan seperti kesakitan sampingan, jengam bengkak, demam atau dan mengigiti kesakitan.

Walaupun bagaimanapun, YSN-ASM berkata, kesan sampingan itu bersifat sementara, tidak berbahaya dan ia terbukti hilang dalam tempoh sewajarnya.

Bagi kes-kes berprofil tinggi melibatkan kematian dan kesan sampingan yang lebih serius dilaporkan selepas mengambil vaksin Pfizer mRNA, terdapat penjelasan terperinci bagi kebanyakan kes tersebut.

"Kesemua penjelasan menunjukkan kes-kes tersebut tidak berkaitan dengan pengambilan vaksin," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 17 maut, termasuk bayi empat bulan

Menjadi pesakit remaja yang meninggal dunia akibat pandemik ini disebarkan.

Oleh TUAN BUOHAI RAHMAN MUHAMAD DAN PUTRI AJAYA

**S**eorang bayi lelaki berusia empat bulan antara 17 yang maut akibat Covid-19. Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bayi berkenaan meninggal dunia di Hospital Tawau, Sabah. Bayi itu merupakan pesakit positif Covid-19 yang didaftarkan pada nombor kes 16,703. Juga mempunyai penyakit jantung berdebu, katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Kematian itu sekali gus menjadikan bayi berkenaan pesakit remaja yang meninggal

dunia akibat Covid-19 di negara ini. Dr. Noor Hisham berkata, 17 kes kematian yang dilaporkan semalam melibatkannya 15 kes kematian dalam kalangan warga negara dan dua warga asing. Semalam, beliau memaklumkan jumlah kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam adalah sebanyak 4,571 kes menandakan jumlah kumulatifnya




DR. NOOR HISHAM


adalah 231,483 kes dengan jumlah kes aktif adalah sebanyak 181,886 kes. Beliau berkata, Selangor kekal menjadi negeri dengan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 2,056 kes. Beliau berkata, jumlah kes aktif yang dilaporkan di lapangan terbang dan di pusat-pusat awam yang aktif dijalankan di lapangan terbang. Sebanyak 308 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 135 dampaknya

memerlukan bantuan pernafasan, katanya. Dalam pada itu, Dr. Noor Hisham berkata, kes sembuh yang dilaporkan pula adalah sebanyak 4,092 kes menjadikan keseluruhan kes pulih adalah 181,886 kes. Beliau berkata, sebanyak 10 kluster baharu dikenal pasti yang melibatkan enam kluster berkaitan tempat kerja dan empat kluster komuniti. Sehingga kini, sebanyak 861 kluster dilaporkan dan 440 telah diisytiharkan tamat manakala jumlah kluster aktif adalah 421. Kita, Dr. Noor Hisham.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA




**Bilangan Kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU:
231,483	181,886	308	826	4,571

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 226,912 kes kepada 231,483 kes



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS



Fire and Rescue Department personnel carrying out sanitisation at a residential area in Lembah Subang, Selangor, yesterday. Malaysia's healthcare facilities have reached a breaking point due to the huge increase in cases. (Inset) Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin speaking in a special address yesterday. PIC BY BERNAMA AND RTM FACEBOOK PAGE

signers and in Covid-19 prevention operations," he said.  
 Muhyiddin said he also instructed the People's Volunteer Corps (Rela), with more than three million personnel nationwide, to assist in the enforcement of Covid-19 SOP compliance at business and public places.

The government, he added, would conduct a Community Empowerment Programme with local leaders in Covid-19 prevention campaigns.

Muhyiddin also gave an assurance that the implementation of a total lockdown would not be repeated, adding that the best method was to allow certain economic sectors to continue operating while ensuring that they adhered to SOPs to stem infections at workplaces, at residential areas and in the community.

On this, he said the Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990, or Act 446, was in the process of being amended to tackle the issue of foreign workers living in cramped and crowded accommodation, which had led to the spread of Covid-19.

Up to Feb 3, the manufacturing sector logged the highest number of clusters with 128, followed by construction with 82 and the services sector with 61.

"Employers must provide accommodation that meets the minimum standard. Employers must also bear the cost of accommodation, relocation and costs of health screenings while monitoring the workers while they are at work and after work at their accommodation," said Muhyiddin.

He explained that the Human Resources Ministry would lead the Workers Accommodation Management Task Force that would be empowered through the amendment of the act.

